

05 OCT 1996

Mahathir-MIC (Dengan gambar)

PM HARAP RAKYAT MALAYSIA TERUS HIDUP AMAN DAMAI

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap rakyat Malaysia pelbagai kaum dan keturunan akan terus mengamalkan toleransi dan kesediaan untuk hidup dan bekerja sama bagi memastikan keamanan dan keharmonian dalam negara.

"Saya setulus ikhlas berharap setiap rakyat akan mengekalkan keadaan sekarang dan bersedia membuat perubahan untuk mencari persamaan bagi mencapai kesejahteraan sejati," katanya pada jamuan malam sempena ulang tahun ke-50 MIC di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

Katanya banyak yang boleh dicapai dalam negara yang bertuah ini dan berharap sikap berinteraksi pelbagai kaum akan terus diperkukuhkan untuk kepentingan negara selama-lamanya.

Dr Mahathir berkata tiada siapa menjangkakan yang Malaysia akan dapat hidup mewah dan rakyat yang pelbagai keturunan, kepercayaan dan agama akan boleh hidup dalam aman dan harmoni.

"Malaysia kini dianggap sebagai model terbaik dan orang yang sebelum ini tidak mempercayai keupayaan negara telah mengubah fikiran mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau berharap MIC akan terus maju dan menjadi rakan yang setia kepada Umno dalam Barisan Nasional (BN) dalam tempoh 50 tahun akan datang.

Secara berseloroh, Dr Mahathir, yang dihadiahkan sebilah keris emas oleh presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau sebenarnya ingin "menghilangkan diri" dari negara ini selepas berkhidmat sebagai Perdana Menteri selama 15 tahun.

"Orang ramai mungkin mempunyai tanggapan salah kerana saya sudah terlalu lama berkhidmat, dan saya cuba untuk "menghilangkan diri" selama setahun, tetapi saya tidak dapat lakukan dan dengan keris ini dalam tangan saya berharap untuk terus berada selama 50 tahun lagi," katanya.

Isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali juga dihadiahkan pencucuk rambut emas oleh isteri Samy Vellu, Datin Seri Indrani.

Perdana Menteri juga melancarkan halaman sendiri MIC dalam Internet dan kemudian menyampaikan pingat emas kepada 30 bekas pengasas MIC dan mereka yang telah berkhidmat kepada masyarakat India.

Terdahulu dalam ucapannya, Samy Vellu berkata beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana bermurah hati kepada masyarakat India dan bimbingan beliau untuk kebaikan masyarakat itu.

"Imej Perdana Menteri begitu mendalam dalam fikiran dan hati kami hingga tidak dapat dikikis lagi," katanya.

Katanya MIC tidak akan memperlahankan kemajuannya walaupun telah berusia 50 tahun, sebaliknya dengan semakin tua masyarakat India akan semakin matang untuk menghadapi Wawasan 2020.

"Saya dapat tegaskan yang MIC akan terus teguh dan berdiri megah sebagai wakil tunggal dan suara masyarakat India di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

ZAB AHH